



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 01/2025



ISRA' DAN MIKRAJ

24 JANUARI 2024 | 24 REJAB 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُودُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah di dunia dan di akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Kedatangan bulan Rejab mengingatkan kita kepada peristiwa Israk Mikraj yang merupakan salah satu mukjizat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Peristiwa yang besar ini adalah perjalanan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam pada waktu malam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis dan terus naik merentas tujuh lapis langit sehingga sampai ke Sidratul Muntaha. Ini disebut oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam Surah Israk ayat 1,



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي

بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيهُ مِنْ ءَايَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ الْسَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Yang bermaksud: “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Peristiwa Israk Mikraj adalah satu perjalanan yang diatur oleh Allah Subhanahu wa Taala Taala sebagai satu mukjizat kepada Nabi Sallallahu`alaihi wasallam yang menjadi satu asbab kepada penerimaan dan kewajipan solat. Peristiwa tersebut juga merupakan satu kemuliaan kepada Nabi Sallallahu`alaihi wasallam setelah baginda berada di dalam kesedihan selepas kematian dua orang yang dicintainya iaitu isterinya Saidatina Khadijah dan bapa saudaranya Abu Talib. Baginda juga melalui keperitan dalam perjalanan dakwah sehingga disakiti dan dizalami semasa berada di Taif. Ketika berada dalam suasana kesedihan ini yang juga dikenali dengan tahun dukacita, Allah Taala memperjalankan Baginda Sallallahu`alaihi wasallam untuk melihat keagungan dan kebesaran-Nya.



Peristiwa ini memberi motivasi yang tinggi kerana walaupun dihina di bumi namun Baginda sallallahu`alaihi wasallam dimuliakan di langit. Baginda mendapat kemuliaan dengan bertemu para Nabi di setiap lapisan langit iaitu Nabi Adam, Nabi Isa dan Nabi Yahya, Nabi Yusuf, Nabi Idris, Nabi Harun, Nabi Musa dan akhir sekali di langit ketujuh berjumpa dengan Nabi Ibrahim Alaihimussolatu wassalam. Baginda Sallallahu`alaihi wasallam mendapat kemuliaan untuk menjadi Imam kepada semua Rasul dan Nabi ketika menunaikan solat di masjidil Aqsa.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Antara pengajaran Israk Mikraj ialah kita semua hendaklah berusaha melakukan amal kebaikan dan menjauhkan semua perbuatan keji dan mungkar. Rasulullah Sallallahu`alaihi wasallam telah diperlihatkan sebahagian ganjaran pahala dan balasan dosa pada malam tersebut. Sesungguhnya ganjaran pahala di syurga dan balasan azab neraka itu adalah benar. Baginda Sallallahu`alaihi wasallam menghidu bau wangi Masyitah dan anak-anaknya yang sanggup mengorbankan nyawa demi mempertahankan iman dan akidah.

Baginda Sallallahu`alaihi wasallam juga melihat balasan dosa orang yang mengumpat dan mencari-cari keaiban orang lain. Semoga kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga lidah agar tidak terperangkap melakukan semua sifat-sifat mazmumah kerana balasan dosanya amat menakutkan. Sabda Rasulullah Sallallahu`alaihi wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud yang bermaksud: *“Ketika mana aku dimikrajkan oleh Tuhanku, aku melalui suatu kaum yang mempunyai kuku daripada tembaga. Mereka mencakar muka-muka*



dan dada-dada mereka. Maka aku bertanya: ‘Siapakah mereka, wahai Jibril?’ Jibril menjawab: ‘Mereka ialah orang yang memakan daging-daging manusia dan masuk campur dalam urusan maruah mereka.’”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,

Sudah pasti peristiwa Israk Mikraj ini membawa kita semua untuk menghayati betapa besarnya ibadat solat kerana Nabi Sallallahu `alaihi wasallam menerima kefardhuan solat lima waktu secara langsung daripada Allah Azzawajalla pada malam tersebut. Sebagaimana hadis riwayat Imam al-Bukhari,

يُمْ فُرِضَتْ عَلَيَّ الصَّلَوَاتُ حَمْسِينَ صَلَةً كُلَّ يَوْمٍ فَرَجَعْتُ فَمَرَرْتُ عَلَىٰ

مُوسَى فَقَالَ إِمَا أُمِرْتَ قَالَ أُمِرْتُ بِحَمْسِينَ صَلَةً كُلَّ يَوْمٍ

Yang bermaksud: “Kemudian diwajibkan ke atas aku 50 kali solat setiap waktu. Maka aku kembali dan melepassi Musa. Maka Nabi Musa bertanya apa yang telah diperintahkan terhadap engkau? Nabi SAW menjawab: Aku diperintahkan dengan 50 kali solat pada setiap hari.”

Berdasarkan hadis di atas, asalnya ibadah solat adalah berjumlah 50 kali solat, namun akhirnya dikurangkan oleh Allah Subhanahu wa Taala kepada 5 kali solat sehari. Ini menunjukkan kedudukan ibadat solat tidak boleh dipandang ringan oleh kita semua dan mesti dilaksanakan dengan cara yang paling sempurna. Oleh itu, dirikanlah solat dalam waktunya, secara berjemaah dan dilaksanakan di masjid agar ibadat ini diterima serta menjadikan kita dikasihi oleh Allah Azzawajalla. Hari ini ramai dalam kalangan kita yang merintih kerana kelemahan umat Islam,



namun kita juga lupa punca utama kelemahan ini ialah kerana mengabaikan ibadat solat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Peristiwa Israk Mikraj mempunyai hubungan besar dengan Masjidil Aqsa kerana Rasulullah Sallallahu `alaihi wasallam diperjalankan oleh Allah ke masjid yang suci ini. Namun kita semua perlu menginsafi, masjid yang pernah menjadi kiblat pertama umat Islam kini berada dalam penguasaan Zionis Yahudi kerana perancangan jahat mereka, lemahnya iman umat Islam dan runtuhnya perpaduan sesama sendiri. Perjuangan untuk membebaskan bumi yang mulia ini adalah tanggungjawab umat Islam yang paling besar pada zaman ini. Oleh itu, marilah kita semua memberi sumbangan yang termampu untuk perjuangan ini dan jangan lupa hendaklah kita sentiasa berdoa agar Allah Subhanahu wa Ta'ala membantu saudara-saudara kita di Palestin yang sedang ditindas.

Kesimpulannya, hayatilah peristiwa Israk Mikraj ini dengan menjaga solat lima waktu secara bersungguh-sungguh serta menjauhi segala kemungkaran dan azab yang telah digambarkan dalam peristiwa Israk Mikraj.



أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا كَذَبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَىٰ أَفَتُمَرُونَهُ عَلَىٰ مَا يَرَىٰ وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً

أُخْرَىٰ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ

بَارَكَ اللّٰهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.